



SIARAN AKHBAR

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

EKSPLO PRODUK TEMPATAN 2022 BERSEMPENA BRUNEI DECEMBER FESTIVAL KALI KE-6

1. **Bandar Seri Begawan, 1 Disember 2022** - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Darussalam Enterprise (DARe) menganjurkan Ekspo Produk Tempatan 2022 buat julung kalinya bersempena dengan acara *Brunei December Festival* ke-6 selama 4 hari bermula pada hari Khamis, 1hb Disember sehingga hari Ahad, 4hb Disember 2022 bertempat di Dewan Bridex 1 dan 2, Jerudong.
2. Hadir selaku Tetamu Kehormat Bersama adalah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abd Rahman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Turut hadir ke Majlis Pelancaran adalah Yang Mulia Setiausaha-Setiausaha Tetap di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku Pengerusi-Pengerusi Bersama Ekspo Produk Tempatan 2022, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi dan Duta-Duta Besar, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Eksekutif dari agensi-agensi yang terlibat.
3. Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Yang Mulia Setiausaha Tetap di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku pengerusi bersama Ekspo Produk Tempatan 2022. Majlis kemudiannya diteruskan dengan pelancaran *Brunei December Festival* ke-6 dan Ekspo Produk Tempatan 2022 oleh Tetamu-Tetamu Kehormat diikuti dengan Majlis Perasmian Penaihtarafan Aplikasi Mudah Alih PenggunaBijak oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

4. Sebanyak 211 buah syarikat mengambil bahagian dalam ekspo ini untuk mempromosikan dan menjual produk dan barangan keluaran pengusaha tempatan yang terdiri daripada produk Pertanian dan Agrimakanan; Perniagaan, Perbankan dan Kewangan; Pembinaan dan Rekabentuk Dalaman; Produk dan Perkhidmatan Hiliran; Fesyen dan Pakaian; Perikanan dan Pemprosesan Ikan; Makanan dan Minuman; Pelancongan dan Hospitaliti; Pengangkutan dan Logistik; Telekomunikasi dan Produk Kreatif; Produk Perkayuan; dan lain-lain. Turut menyertai ekspo ini juga adalah Majlis-Majlis Perundingan Kampong (MPK) yang mempromosikan produk-produk '1 Kampong 1 Produk (1K1P)'.
5. Objektif utama ekspo ini adalah untuk menyediakan platform bagi pengusaha-pengusaha tempatan, mempromosikan dan meluaskan lagi pasaran produk secara langsung kepada pembeli; mengetengahkan dan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai produk/barangan yang dihasilkan oleh pengusaha-pengusaha tempatan; memberikan peluang kepada para pengusaha tempatan untuk menjana pendapatan sekaligus meningkatkan dan mengembangmajukan rangkaian perniagaan melalui taklimat dan seminar keusahawanan serta aktiviti-aktiviti *networking* dan *business matching*.
6. Pelbagai aktiviti menarik juga diadakan untuk kunjungan orang ramai sesuai untuk seisi keluarga seperti *skating*, *quizzes*, *face painting*, pertandingan makan, demonstrasi produk-produk dan lain-lain.
7. Majlis pelancaran ini juga menandakan bermulanya pesta yang dinanti-nantikan orang ramai iaitu *Brunei December Festival* ke-6 yang menawarkan pelbagai acara dan aktiviti menarik sepanjang musim cuti persekolahan bulan Disember. *Brunei December Festival* adalah acara tahunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan bertujuan untuk menggalakkan rakyat dan orang ramai bercuti dan berbelanja di dalam negara sekaligus mempromosikan Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu destinasi pelancongan.
8. Ekspo Produk Tempatan ini disokong oleh Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Datastream Digital Sdn Bhd, Brunei Methanol Company (BMC), Royal Brunei Culinary (RBC) dan Brunei Halal.
9. Ekspo Produk Tempatan 2022 dibukakan untuk kunjungan orang ramai bermula pada 1hb Disember 2022 sehingga 4hb Disember 2022, dari jam 9.00 pagi sehingga 9.00 malam. Keterangan lanjut berkenaan ekspo ini boleh didapati di laman media sosial instagram **@localproductexpo.bn**

Disediakan oleh:

Unit Perhubungan Awam

Jabatan Kemajuan Pelancongan

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan